

**HEBAHAN  
PENGAMBILAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN GRED DG41  
TAHUN 2024**

Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) mempelawa **Graduan Pendidikan** yang **telah menamatkan pengajian dan memperoleh keputusan senat universiti sebelum atau pada 26 April 2024** untuk memohon jawatan sebagai **Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 secara lantikan Kontrak (Interim)** di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

**1. SYARAT PELANTIKAN**

Syarat-syarat lantikan PPP Gred DG41 secara lantikan Kontrak (Interim):

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup hebahan jawatan;
- c) Memiliki kelayakan seperti berikut:
  - i. **ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang pendidikan** daripada institusi pengajian tinggi tempatan (universiti awam dan swasta) dan luar negara yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - ii. **ijazah sarjana muda** dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan (universiti awam dan swasta) dan luar negara **serta Diploma Pendidikan** yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- d) Memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat **Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

- e) Bagi opsyen **Bahasa Inggeris**, keutamaan akan diberikan kepada graduan yang mencapai sekurang-kurangnya **C1** dalam piawaian **Common European Framework of Reference (CEFR)**. Calon-calon bagi opsyen Bahasa Inggeris yang **tidak mencapai sekurang-kurangnya C1** dalam piawaian CEFR akan **dilantik secara Contract of Service (COS)**. Senarai ujian yang diujarkan dengan CEFR adalah seperti di **Lampiran 1**;
- f) Bagi opsyen mata pelajaran di **SJKC** (kecuali Bahasa Melayu/ Pendidikan Islam/ Bahasa Inggeris), graduan perlu memiliki sekurang-kurangnya **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam mata pelajaran **Bahasa Cina di peringkat SPM**;
- g) Bagi opsyen mata pelajaran di **SJKT** (kecuali Bahasa Melayu/ Pendidikan Islam/ Bahasa Inggeris), graduan perlu memiliki sekurang-kurangnya **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam mata pelajaran **Bahasa Tamil di peringkat SPM**;
- h) Bagi opsyen **Tahfiz**, graduan disyaratkan memiliki **Diploma Tahfiz atau Sijil Tahfiz Malaysia (STM)** yang diiktiraf oleh Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau Diploma Tahfiz dari Institusi yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Bagi graduan yang memiliki **Ijazah Sarjana Muda Takhassus Qiraat/Tahfiz Wal Qiraat** yang diiktiraf oleh MQA **dikecualikan** daripada syarat tersebut; dan
- i) Bagi opsyen mata pelajaran **Bahasa Semai/ Kadazandusun/ Iban**, graduan perlu memiliki kelulusan dalam bidang Bahasa Semai/ Kadazandusun/ Iban. Graduan yang **tidak memiliki kelulusan** tersebut, **tetapi merupakan penutur asli (native speaker)** atau yang **mempunyai penguasaan yang baik** dalam bahasa tersebut juga layak untuk dipertimbangkan.

## **2. GRADUAN YANG TIDAK LAYAK MEMOHON**

Graduan dalam kategori berikut tidak layak memohon:

- a) Graduan Pendidikan Tajaan KPM;
- b) Guru Interim;
- c) Guru Kontrak (Lantikan SPP);
- d) Pernah ditamatkan atau dibuang kerja dari Perkhidmatan Awam;
- e) Seorang bankrap; dan
- f) Memperoleh keputusan senat universiti selepas **26 April 2024**.

## **3. CARA MENGEMUKAKAN PERMOHONAN**

- 3.1. Graduan Pendidikan yang memenuhi syarat dikehendaki memohon atau mengemas kini maklumat permohonan melalui Sistem Pengambilan Anggota Perkhidmatan Pendidikan (mySPP) (<https://myspp.spp.gov.my/>) sebelum atau pada **26 April 2024 (Jumaat)**.
- 3.2. Graduan Pendidikan yang telah memohon atau mengemas kini maklumat permohonan melalui mySPP bagi tempoh 1 Januari 2024 sehingga 31 Mac 2024 **TIDAK PERLU** membuat pengemaskinian sepanjang tempoh hebahan ini.
- 3.3. Graduan Pendidikan diingatkan untuk memastikan maklumat yang diisi atau dikemas kini di dalam mySPP adalah tepat. Sebarang kesilapan dalam mengisi atau mengemas kini maklumat akan menjejaskan peluang untuk dipanggil temu duga.
- 3.4. Graduan Pendidikan **TIDAK DIBENARKAN** untuk mengemas kini permohonan daripada tarikh tutup hebahan bermula **27 April 2024 sehingga 1 Jun 2024**.

#### **4. PENGIKTIRAFAN KELAYAKAN**

4.1. Graduan perlu mendapatkan surat pengiktirafan ijazah daripada MQA untuk dibawa semasa menghadiri temu duga. Ini bertujuan bagi pengesahan penarafan bidang pendidikan.

4.2. Graduan boleh menyemak taraf kelayakan pendidikan di pautan berikut:

a) <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm>; atau

b) <https://www2.mqa.gov.my/mqr/>

#### **5. TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

26 April 2024 (Jumaat)

## SENARAI UJIAN YANG DIJAJARKAN DENGAN CEFR

BIL	UJIAN	SKOR	PENARAFAN CEFR
1.	Malaysian University English Test (MUET)	294-330 (Band 5)	C1
		331-360 (Band 5+)	C1+
2.	International English Language Testing System (IELTS)	7.0 - 8.0	C1
		9.0	C2
3.	C2 Proficiency	180 – 199	C1
		200 – 230	C2
4.	Aptis Advanced	All components 25% weightage	C1/C2
5.	Aptis Remote		
6.	C1 Advanced (dulu dikenali sebagai CPE)	180 – 192 (Grade C)	C1
		193 – 199 (Grade B)	
		200 – 210 (Grade A)	C2
7.	Test of English as a Foreign Language (TOEFL)	94 – 114 (Good User)	C1
		115 – 117 (Very Good User)	C2
		118 – 120 (Expert User)	
8.	Linguaskill	180+	C1
9.	<i>Edusynch CEFR Level Test</i>	C2	C2
		C1+, C1, C1-	C1

Sumber: Lampiran Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 1 Tahun 2020

